

12/07/2001

Yong calon BN di Likas

KOTA KINABALU, Rabu - Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Likas, Datuk Yong Teck Lee, dipilih semula sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil kawasan itu pada 21 Julai ini.

Pengumuman itu dibuat oleh Pengerusi BN negeri, Datuk Chong Kah Kiat, selepas mempengerusikan mesyuarat lebih sejam dengan semua pemimpin parti komponen BN negeri, di Putatan, dekat sini petang ini.

Chong berkata, pemilihan Yong disokong sebulat suara dalam mesyuarat itu serta mendapat persetujuan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang kemudian memberi mandat kepadanya mengumumkan keputusan itu.

"Yong berpengalaman dan sudah menjadi wakil rakyat di Likas lebih 10 tahun. Malah, kami dalam BN menganggap khidmatnya begitu baik kepada semua penduduk kawasan itu.

"Oleh itu, semua parti komponen BN negeri, daripada peringkat pucuk pimpinan hingga ke akar umbi, akan ke Likas berkempen untuk Yong," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat itu.

Yong, 43, yang berkelulusan undang-undang dan pernah menjadi Ketua Menteri pada 1996-1998, ialah Adun Likas sejak 1985 hingga dibatalkan mahkamah pada 8 Jun lalu.

Presiden Parti Maju Sabah (SAPP) itu, juga menjadi Ahli Parlimen Gaya selepas menang pada pilihan raya umum 30 November 1999.

Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas diadakan selepas Mahkamah Tinggi di sini pada 8 Jun lalu mengisytiharkan pilihan raya kawasan itu pada 13 Mac 1999, tidak sah dan batal, berikutan ada pengundi tidak wujud atau dikenali 'pengundi hantu' dalam senarai Daftar Pemilih serta terdapat bukan warganegara mengundi pada pilihan raya itu.

Hakim Muhammad Kamil Awang turut mengisytiharkan Daftar Pemilih 1998 yang digunakan DUN Likas bagi pilihan raya itu sebagai haram kerana ada senarai nama pengundi yang tidak wujud di dalamnya.

Muhammad Kamil turut memutuskan Yong sebagai responden, melakukan kesalahan mengikut Seksyen 11(c) dan (d) serta Seksyen 32, Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, berhubung papan pameran dan kenyataan palsu terhadap seorang lagi calon pada pilihan raya itu, Datuk Harris Salleh.

Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi pada 4 Julai lalu membenarkan permohonan Yong menanggungkan semua keputusan mahkamah pada 8 Jun itu berhubung petisyen pilihan raya K5 yang dikemukakan Harris, sehingga rayuan kes itu didengar di mahkamah lebih tinggi.

Chong berkata, pihaknya yakin Yong tidak menghadapi sebarang masalah dari segi undang-undang dan kelayakan untuk bertanding pada pilihan raya kecil itu.

Katanya, BN juga sudah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dan tidak akan terkejut jika ada pihak yang akan membantah pencalonan Yong pada hari penamaan calon esok.

Ditanya kenapa Yong masih dipilih sedangkan kes mahkamahanya belum selesai sepenuhnya, Chong berkata: "Jika Yong tidak diberi peluang bertanding tetapi keputusan mahkamah nanti memihak kepadanya, sudah tentu ketidakadilan lebih besar berlaku kepada Yong."

(END)